

## NOTIS DATA & MAKLUMAT PERIBADI (“NOTIS”)

### 1. Pengumpulan Data Peribadi

Notis ini dikeluarkan kepada semua pelanggan yang kami harga, selaras dengan peruntukkan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Privasi anda adalah keutamaan kami. Notis ini menerangkan polisi kami mengenai pengumpulan, penggunaan dan pendedahan Maklumat Peribadi anda. Maklumat Peribadi anda adalah, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, kewarganegaraan, nombor kad pengenalan, nombor pasport, jawatan, nama syarikat, nombor telefon, alamat, alamat e-mel dan infomasi/butir-butir lain yang telah dibekalkan kepada kami.

Data peribadi anda akan dikumpul, digunakan dan sebaliknya diproses oleh kami seperti yang dikehendaki dan dibenarkan oleh undang-undang untuk, antara lainnya, bagi tujuan-tujuan seperti dinyatakan dibawah (“Tujuan-tujuan”):

- 1) Menyediakan perkhidmatan IBFIM yang telah anda daftar/langgani/membuat ikatan serta pemberitahuan berkenaan perubahan atau perkembangan pada ciri-ciri perkhidmatan tersebut;
- 2) Memaklumkan kepada anda berkenaan perkhidmatan terbaru, tawaran khas dan promosi;
- 3) Menjemput penyertaan anda dalam program-program latihan, acara-acara dan aktiviti-aktiviti IBFIM;
- 4) Mengemaskinikan ketepatan rekod-rekod IBFIM;
- 5) Menyelaras dan mengendalikan peperiksaan;
- 6) Menjawab pertanyaan dan aduan serta menyelenggara komunikasi bagi memastikan kepuasan pelanggan;
- 7) Sebarang tujuan lain yang dibenarkan oleh Undang-Undang;
- 8) Untuk pemantauan dan peningkatan perkhidmatan kami;
- 9) Untuk tujuan pentadbiran, termasuk dan tidak terhad kepada bil, bayaran dan kutipan hutang;
- 10) Menghalang jenayah (termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, rasuah);
- 11) Memenuhi sebarang keperluan undang-undang atau kawal selia berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan dan produk-produk kami dan untuk membuat pendedahan dibawah keperluan sebarang undang-undang terpakai, peraturan, arahan, perintah Mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling, kod yang terpakai kepada kami atau mana-mana syarikat ahli kumpulan kami;
- 12) Tujuan berkaitan dengan mana-mana satu daripada perkara diatas (termasuk tetapi tidak terhad kepada penyelidikan, penanda aras, analisis statistik dan tinjauan kepuasan pelanggan);
- 13) Membolehkan kami menghantar maklumat kepada anda melalui e-mel, kaedah telekomunikasi (panggilan telefon atau pesanan teks) atau media sosial tentang produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak ketiga tertentu yang kami anggap mungkin menarik minat anda tetapi dalam berbuat demikian, kami akan terus mengawal Data Peribadi anda dan kami tidak akan mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga tanpa kebenaran anda dahulu; dan/atau
- 14) Perkhidmatan selepas penjualan, seperti program-program untuk pelanggan setia.

### 2. Secara sukarela untuk membekalkan Data Peribadi

Data Peribadi boleh diberi secara sukarela oleh anda tetapi bagi memenuhi syarat-syarat tertentu untuk memasuki sesuatu perjanjian, maklumat Data Peribadi adalah wajib diberikan sebelum proses pendaftaran dapat disempurnakan. Semua maklumat yang di perlukan dalam borang-borang yang berkaitan adalah wajib anda bekalkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya. Sekiranya anda gagal untuk memberikan maklumat wajib, kami tidak dapat memproses permintaan anda dan/atau membekalkan perkhidmatan yang berkaitan kepada anda.

### 3. Pendedahan

Bagi memudahkan tujuan-tujuan yang tersebut diatas serta pembekalan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kepada anda, kami akan memproses, menggunakan dan mendedahkan Maklumat Peribadi anda kepada pihak ketiga mengikut pengkelasan yang seperti berikut:-

- a) Mana-mana orang yang mana kami terpaksa atau dikehendaki berbuat demikian di bawah undang-undang atau sebagai balasan kepada agensi kompeten atau kerajaan;
- b) Mana-mana syarikat dan anak syarikat yang berkaitan, termasuk yang ditubuhkan di masa hadapan;
- c) Rakan kongsi perniagaan dan anggota gabungan dalam talian kami yang menyediakan perkhidmatan atau produk berkaitan dengan perniagaan kami;
- d) Agensi-agensi kerajaan, pihak berkuasa berkanun dan pengawal selia industri;
- e) Juruaudit, perunding, akauntan, peguam atau penasihat kewangan atau professional kami yang lain;
- f) Subkontraktor kami atau penyedia perkhidmatan atau produk pihak ketiga sebagaimana kami anggap perlu atau sesuai; dan/atau
- g) Penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami berhubung dengan program kesetiaan kami, bagi tujuan penyampaian hadiah yang ditebus dan perkhidmatan-perkhidmatan.

### 4. Perlindungan

Kami akan menyimpan dan memproses data anda dalam cara yang selamat. Kami akan berusaha sedaya upaya, di mana praktik, untuk melaksanakan perlindungan dan prosedur pentadbiran dan keselamatan yang sesuai selaras dengan undang-undang dan peraturan yang terpakai untuk menghalang pemrosesan Data Peribadi anda dalam cara yang tidak dibenarkan atau tidak sah dan kehilangan atau kemusnahan atau kerosakan pada Data Peribadi anda dalam cara yang tidak disengajakan.

### 5. Pemindahan & Perkongsian Data

Sekiranya kami menganggapnya perlu atau sesuai bagi tujuan penyimpanan atau pemrosesan data atau untuk menyediakan sebarang perkhidmatan atau produk bagi pihak kami kepada anda, kami boleh memindahkan Data Peribadi anda kepada ahli lain dalam syarikat-syarikat kumpulan kami atau penyedia perkhidmatan atau produk pihak ketiga di dalam atau di luar negara di mana kami ditubuhkan, dalam keadaan kerahsiaan dan tahap perlindungan keselamatan yang serupa.

### 6. Hak Akses dan Pembetulan Anda

Sekiranya anda ingin memohon akses kepada maklumat peribadi anda bagi tujuan mengemaskini, membuat pindaan, menghadkan pemrosesan dan/atau menghapuskan, anda boleh mengemukakan permintaan kepada kami melalui pos, e-mel atau faksimili kepada alamat berikut:

IBFIM (763075-W)  
(U/P: Personal Data Protection) Perhatian  
Tingkat 3, Menara Takaful Malaysia  
Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur

Tel : 03-2031 1010  
Faks: 03-2026 9988  
E-mel: info@ibfim.com

Sekiranya anda tidak bersetuju dengan penggunaan Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan lain selain daripada tujuan maklumat anda berikan kepada kami, anda hendaklah memaklumkan kepada kami dengan menulis kepada kami dan kami akan mengambil segala usaha yang munasabah untuk memenuhi permintaan anda.

Sekiranya kami tidak menerima sebarang maklum balas daripada anda dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tarikh penghantaran Notis ini, kami akan menganggap bahawa anda setuju dengan penggunaan Data Peribadi anda oleh kami selaras dengan Notis ini. Sekiranya anda tidak bersetuju terhadap perkara-perkara di atas, sila hubungi kami dan kami akan pastikan ianya ditamatkan dengan serta merta.